

AMD B-16 leburkan impian UiTM N9

Oleh [Syafiq Aznan](#) - Disember 24, 2023 @ 3:41pm

syafiq.aznan@bh.com.my



Pasukan AMD B-16 meraikan kejayaan menjuarai Divisyen 2 LBSIPT 2023. - Foto FB Sukan IPT

KUALA LUMPUR: Akademi Mokhtar Dahari (AMD) Bawah 16 tahun (B-16) membuktikan kualiti tersendiri apabila muncul juara Divisyen 2 Liga Bolasepak Institut Pengajian Tinggi (LBSIPT) 2023/24 selepas menewaskan UiTM Negeri Sembilan (UiTM N9) 2-0 pada aksi final, hari ini.

Sekalipun berdepan wakil IPT, anak buah Efendi Ab Malik itu bijak menghukum kesilapan lawan yang kehilangan bola untuk meledak kedua-dua jaringan pada aksi di Stadium Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai itu.

AMD B-16 mendahului pada minit ke-25 selepas pemain UiTM N9 kehilangan bola dalam kawasan sendiri dan peluang itu digunakan Muhammad Airel Husainy Yusoff untuk melepaskan rembatan jarak jauh menewaskan Mohammad Azri Haikal Halim.

Impian UiTM N9 untuk bangkit memburu gol penyamaan lebur apabila kawalan bola kurang kemas Muhammad Shah Izwan Zakri membolehkan bola dirampas Muhammad Hakim Mohd Hassan yang kemudiannya mencetak gol kedua AMD B-16 pada minit akhir perlawanan.

Selaku juara, AMD B-16 membawa pulang RM7,000, piala pusingan, piala iringan dan medal sementara UiTM N9 yang meraih gelaran naib juara memenangi RM5,000 serta medal.

Sementara itu, aksi penentuan tempat ketiga menyaksikan Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) Bangi berjaya menewaskan Management & Science University (MSU) 3-2 sekali gus membawa pulang RM3,000 dan medal.

Gol KPTM Bangi dijaringkan Muhammad Haiqal Danish dan dua jaringan daripada Amirul Dzikry sementara jaringan MSU disumbangkan Muhammad Iman Rais dan Amasha Ndawata Ally.

Sebagai rekod, sebanyak 16 pasukan menyertai pertandingan itu antaranya Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Selain itu, Help University, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Kolej Komuniti Malaysia (KK MAS), International College of Management and Sports (ICMS), UTM serta MAHSA University.

Pemain AMD B-16, Muhammad Hakim meraih kemenangan berganda apabila membawa pulang gelaran Pemain Terbaik Final dan Penjaring Terbanyak dengan lima gol sekali gus membawa pulang RM2,000.